

20 NOV 1997

Anwar-Amerika (bergambar)

MALAYSIA BUKAN JAJAHAN KUASA BESAR, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Malaysia bukan jajahan mana-mana kuasa besar dan dengan itu, tidak ada sebab kenapa negara ini harus tunduk kepada telunjuk Amerika.

"Kami sebuah negara merdeka dan kami perlu mempertahankan kepentingan kami. Siapa yang kami pilih sebagai pemimpin adalah hak kami, bukannya bagi orang Amerika atau anggota Kongresnya untuk menetapkan siapa yang harus memimpin Malaysia," kata beliau ketika merasmikan Fiesta Konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di kampusnya di sini hari ini.

Merujuk kepada usul yang dibentangkannya di Dewan Rakyat semalam bagi mengutuk satu tindakan 34 anggota Kongres Amerika yang mahu memaksa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan, Anwar berkata kepimpinan Dr Mahathir diterima oleh rakyat negara ini seperti yang terbukti dalam pilihan raya yang dijalankan secara demokratik.

Anggota kongres itu mahu membentangkan usul meminta Dr Mahathir meminta maaf kerana kononnya Perdana Menteri anti-Semitik dan Anti-Yahudi. Mereka mendesak kerajaan dan rakyat Malaysia mengutuk Dr Mahathir dengan meminta beliau memohon maaf secara terbuka dan jika gagal berbuat demikian, meletak jawatan sebagai Perdana Menteri.

"Saya bukannya mencadangkan agar kerajaan Amerika atau pentadbiran dan rakyatnya berkongsi pendapat dengan 34 anggota Kongres itu tetapi kami harus menetapkan pendirian," kata Anwar.

Beliau berkata : "Kami bukan bertindak balas terhadap kenyataan itu (oleh anggota Kongres) tetapi untuk memberi mesej yang jelas terhadap tindakan ini menerusi masyarakat antarabangsa dan juga kepada anggota Kongres Amerika itu."

Anwar berkata Umno dan Barisan Nasional masih kuat dan padu, mampu mengetuai dan menguruskan ekonomi serta sanggup bersuara kepada sesiapa saja termasuk Amerika dan Israel.

"Kami bukannya anti-Yahudi dan anti-Semitik kerana Islam tidak mengajar kami menjadi anti-Yahudi, tetapi memang benar, kami mengutuk kekerasan Israel terhadap orang Arab.

"Oleh itu, kami harus tetapkan garis pemisah antara Israel dan orang Yahudi yang tidak bersalah. Di mana saja di dunia ini, malahan seandainya ada penganut Yahudi di Malaysia, jika mereka warga negara, mereka tetap warga negara. Jika mereka datang sebagai pelancong, tidak ada diskriminasi terhadap mereka," katanya.

Anwar berkata bahawa itulah pendirian Malaysia selama ini dan oleh itu, ia tidak harus menjadi keliru.

Anwar juga berkata parti pembangkang cuba menunjukkan kononnya kerajaan tidak berupaya menguruskan ekonomi negara.

Katanya parti pembangkang harus menyedari bahawa ekonomi Thailand tidak akan menjadi buruk sekiranya kelemahan dalam asas di negara itu tidak dieksploitasi oleh spekulator dan manipulator.

Beliau berkata spekulator dan manipulator akan mencari satu kecacatan dalam sistem ekonomi untuk menimbulkan kekecohan bagi menyerang negara dan sistem itu, dan ini tidak adil.

"Itulah sebabnya kenapa Malaysia mahu dikaji semula amalan yang membolehkan spekulator dan manipulator yang bergerak dengan nama peniaga mata wang, tanpa syarat dan peraturan, membuat spekulasi terhadap semua mata wang, menimbulkan kekecohan dan meraih keuntungan sehingga merugikan

orang ramai.

"Saya tidak kira sama ada ringgit jatuh atau tidak, tetapi saya bimbang jika ringgit jatuh, ia menjejaskan rakyat kita. Itulah masalah yang kita hadapi sekarang akibat perbuatan sekumpulan spekulator yang menguntungkan golongan yang kaya dan berpengaruh dari negara maju, yang juga untung daripadanya, sehingga mereka tidak begitu suka atau berkeinginan untuk menukar peraturan-peraturan ini," kata Anwar.

Majlis Perwakilan Pelajar UIA yang mewakili 8,000 mahasiswa, menyatakan ikrar sokongan dan taat setia kepada kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sewaktu dialog tertutup dengan Anwar.

Presidennya Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata pelajar UIA sepakat dan sebulat suara mengutuk dan menolak sekeras-kerasnya usul oleh 34 anggota Kongres Amerika itu dan berpendapat ia melanggar sistem amalan demokrasi negara ini yang memilih pemimpin melalui pilihan raya dan hak kebebasan negara ini sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka.

"Kami membantah keputusan kerajaan Amerika untuk menyiasat pelaburan Petronas dalam industri gas di Iran kerana ia melanggar prinsip perdagangan bebas yang diterima pakai oleh masyarakat antarabangsa," kata Shamsul dalam satu kenyataan.

Katanya pelajar yakin sepenuhnya dengan kepimpinan yang ada sekarang kerana yang berjaya memimpin dan komited dalam menyelamatkan negara daripada serangan spekulasi dan krisis mata wang yang menimpa rantau Asia Tenggara.

"Kami percaya kepimpinan yang ada sekarang mampu memperjuangkan dan meletakkan asas yang kukuh dalam membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu dan makmur dalam kepelbagaian kaum, agama dan budaya," katanya. -- BERNAMA

ZAB MAI